

## ANALISIS KANDUNGAN STANDARD PROFESIONALISME KEGURUAN: CADANGAN IMPLIMENTASI STANDARD KEGURUAN PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN 'RIADHAH RUHIYYAH'

\*Habibah @ Artini Ramlie  
Universiti Malaysia Sabah  
\*habibah\_artini@ums.edu.my

Norshahrul Marzuki bin Mohd. Nor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Zaharah Hussin  
Universiti Malaya

**Abstract:** This study is an analysis of the contents of the teacher standards in Malaysia and several other countries. The objective of the study was to examine the contents of these teacher standards and propose an Islamic Education Teacher Professionalism Model based on 'Riadhah Ruhiyyah' as one of the elements in the teacher standards in Malaysia. This study utilised the content analysis method with the Standard Guru Malaysia (SGM) document and various teacher standards from other countries which were accessed online as instruments in the study. From this review, Islamic Education teacher standards centred on the Islamic Education Teacher Professionalism Model based on 'Riadhah Ruhiyyah' were ascertained as viable elements to be incorporated into the teacher standards in Malaysia.

**Keywords:** *Teacher standards, Islamic Education teacher, 'Riadhah Ruhiyyah', Malaysian Teacher Standards (SGM)*

### PENGENALAN

Profesionalisme dalam bidang keguruan berkaitan dengan amalan kerja bermutu, beretika serta bermoral. Amalan kerja profesional tersebut merangkumi amalan bersifat profesional iaitu beriltizam serta mematuhi keperluan etika, melakukan refleksi dalam tugas pengajaran serta sikap bersungguh-sungguh untuk memperkembangkan diri. Ia termasuklah penglibatan aktif dan proaktif dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan seperti terlibat dalam melakukan reformasi atau perubahan pendidikan, pengiktirafan guru, pensijilan, pengendalian serta pengurusan profesional (seperti dalam memutuskan syarat atau kriteria untuk bekerja dalam bidang atau profesion keguruan) di samping mewujudkan peluang kepada individu untuk mencapai nilai-nilai peribadi dan sosial yang membolehkannya menyesuaikan diri dengan masyarakat serta dunia pekerjaan (Robiah Sidin, 2002; Robiah Sidin & Nor Azizah Salleh, 2014). Telah banyak kajian dilakukan berkaitan aspek profesional dalam bidang keguruan (O'Brien, 2016) dan kebanyakan prinsip profesional keguruan tersebut adalah lebih meluas serta boleh dilihat dalam matlamat serta pernyataan misi sesebuah sekolah (West-Burnham & O'Sullivan, 2010).

Pembangunan profesionalisme keguruan juga seharusnya dilihat sebagai suatu proses pembelajaran dinamik yang memfokuskan usaha memperolehi pemahaman yang tepat dan kesedaran baru. Tujuannya untuk membolehkan guru meneliti matlamat, rutin amalan kerja serta mengambil tindakan menambah baik keadaan (Toh, 2005). Sewajarnya ia dilaksanakan secara cekap dan efektif kerana hasil kajian oleh Muhammad Faizal dan Abd. Khalil pada tahun 2015 mendapati hasrat tersebut sangat diperlukan oleh guru selain dari keperluan terhadap model program perkembangan profesionalisme berasaskan acuan konteks tempatan. Ini kerana tidak semua amalan yang sesuai dilakukan di sesuatu tempat turut sesuai dilaksanakan di tempat lain.

Dalam hal ini, apabila membincangkan tentang profesionalisme keguruan Pendidikan Islam di Malaysia, wujud perbezaan yang nyata antara profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI) dengan guru-guru bukan opsyen Pendidikan Islam. Profesionalisme keguruan GPI perlu berpaksikan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) yang bermatlamat untuk membangunkan GPI yang berupaya menyebarkan pengetahuan, kemahiran serta penghayatan Islam bersandarkan al-Qur'an dan al-Sunnah. Kandungan falsafah tersebut jelas menunjukkan betapa GPI seharusnya mengukuhkan kemahiran luaran sebagai seorang guru bertunjangan pegangan akidah yang mantap. Jika setiap GPI berusaha menghayati serta mempraktikkan menghayati FPI, aspirasi falsafah tersebut dalam merealisasikan hasrat menghasilkan insan yang '*menyampaikan ilmu, kemahiran serta penghayatan ajaran Islam bertunjangan al-Qur'an dan al-Sunnah*

untuk mencorak peribadi mulia serta pandangan hidup selaku hamba Allah s.w.t.' akan terlaksana (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

### PERMASALAHAN KAJIAN

Realitinya belum ada satu standard keguruan khusus yang dibangunkan untuk GPI di Malaysia dalam tinjauan beberapa kajian lepas dari tahun 1997 hingga 2016 oleh Aminah Idris, 1997; Hatifah Yussof, 2000; Azizan Muhammad, 2001; Rosmaria Mohd. Sahat, 2003; Aiiri Abu Bakar, 2003; Rohaya Hassan, 2003; Che Noraini Hashim, 2005; Azhar Yusuf, 2006; Zaharah Hussin, 2008; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Rafizah Mohamed Salleh, 2011; Adanan Haji Basar, 2011, Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2015 dan Mohd Yusoff Dagang, 2016. Hal ini kerana bilangan kajian berkaitan pembangunan profesionalisme keguruan khusus untuk GPI Islam masih berkurangan di negara ini. Justeru seharusnya diwujudkan satu standard keguruan tersendiri untuk GPI.

Bagi mencapai matlamat ini, dalam konteks kajian untuk menambahbaik sesuatu teori untuk tujuan peluasan skop dan kesesuaian kajian yang dijalankan, Johns (2006) serta Alvesson & Karreman (2007) menekankan tiga perkara utama. Perkara tersebut adalah mengenalpasti faktor baru yang sesuai berdasarkan kajian lepas, mengeluarkan faktor sedia ada bagi disesuaikan dengan konteks kajian dan memperkenalkan perkaitan yang baru dalam kajian semasa. Di Malaysia, Model Guru Malaysia diadaptasi dari Standard Guru Malaysia (SGM) yang mempunyai komponen Roh serta Jiwa Guru (yang merujuk kepada aspek Nilai juga Etika), Pengetahuan dan Kemahiran serta Jati Diri dan Kenegaraan (Bahagian Pendidikan Guru, 2016). Kajian ini bertujuan untuk mencadangkan implimentasi standard keguruan pendidikan Islam berpandukan aspek '*Riadhah Ruhyyah*' dalam standard keguruan di Malaysia khusus untuk para GPI sebagai penambahan dalam komponen Roh serta Jiwa Guru yang telah terkandung SGM. Cadangan penambahan elemen '*Riadhah Ruhyyah*' tersebut adalah berdasarkan pernyataan Model Perubahan Guru yang diutarakan oleh Guskey (2002). Model tersebut menyatakan pembangunan profesional guru perlu melibatkan perubahan amalan guru di dalam kelas, perubahan dalam hasil pembelajaran pelajar serta perubahan dalam sikap guru (Guskey, 2002) kerana faktor guru adalah salah satu dari aspek yang menjayakan proses pengajaran dan pembelajaran (Robiah Sidin & Nor Azizah Salleh, 2014). Oleh itu, fokus kajian adalah perkaitan terus antara aspek '*Riadhah Ruhyyah*' dengan aspek sedia ada dalam kajian-kajian sebelum ini yang lebih memfokuskan kepada amalan pengajaran GPI kerana perubahan sikap GPI disandarkan kepada aspek '*Riadhah Ruhyyah*' tersebut. Ia adalah perkara baru yang dicadangkan dalam kajian ini dan berhubungrapat dengan keperluan profesionalisme GPI.

### OBJEKTIF KAJIAN

Oleh kerana matlamat utama kajian adalah mencadangkan komponen tambahan dalam standard keguruan di Malaysia, maka objektif kajian adalah untuk:

- i. Meninjau standard keguruan di Malaysia serta beberapa negara lain
- ii. Mencadangkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berdasarkan '*Riadhah Ruhyyah*' sebagai elemen tambahan dalam standard keguruan di Malaysia.

### SIGNIFIKAN KAJIAN

Kajian ini membolehkan kupasan standard-standard keguruan di Malaysia serta beberapa negara lain dikenalpasti. Ia menyumbang kepada bidang ilmu dan seterusnya meningkatkan pemahaman komuniti akademik tentang kandungan standard-standard keguruan tersebut. Kedua, data kajian ini boleh dijadikan asas kepada penambahbaikan standard keguruan sedia ada di Malaysia agar dibangunkan satu standard keguruan khusus untuk GPI. Ini selari dengan hasrat kerajaan untuk menghasilkan guru berkualiti pada tahap optimum dalam menghasilkan kemenjadian murid yang cemerlang (Bahagian Pendidikan Guru, 2009, 2016). Ketiga, aspek yang dicadangkan iaitu '*Riadhah Ruhyyah*' sebagai satu elemen dalam standard keguruan GPI juga dijangka dapat memenuhi keperluan profesionalisme sebenar GPI ke arah mencapai hasrat kerajaan sebagaimana digariskan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025.

### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan teknik pengumpulan data sekunder melalui kajian pustaka dan analisis kandungan. Menurut Zaharah Hussin (2008), teknik ini adalah salah satu dari teknik melaksanakan penyelidikan dalam bidang komunikasi massa atau berkaitan teks bertulis. Dalam kajian ini, analisis kandungan dilaksanakan untuk merumus seta melaporkan data secara bertulis sebagaimana saranan Cohen et al., (2007) dengan menganalisis

kandungan beberapa dokumen rasmi (Creswell, 2012; Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016) iaitu standard perguruan di beberapa buah negara serta pernyataan beberapa model berkaitan profesionalisme guru.

Justifikasi penetapan Standard Guru Malaysia sebagai instrumen kajian adalah kerana ia merupakan rujukan piawai standard keguruan di Malaysia sejak tahun 2009. Standard keguruan di Kanada juga ditetapkan sebagai instrumen kajian kerana ia merujuk kepada set standard keguruan yang menjadi asas program praperkhidmatan serta dalam perkhidmatan menerusi versi baru *The Ethical Standards for the Teaching Profession* dan *Standards of Practice for the Teaching Profession* yang dibangunkan oleh *Council of the Ontario College of Teachers* pada tahun 2006 (Broad & Evans, 2006). Dokumen *The Standard for Chartered Teacher* (SCT) yang turut dianalisis dalam kajian ini pula dibangunkan oleh *The General Teaching Council for Scotland* (GTC Scotland) di United Kingdom selaku badan organisasi profesional yang pertama untuk para guru di United Kingdom dan seumpamanya di dunia kerana ditubuhkan seawal tahun 1965 (*The General Teaching Council for Scotland*, 2009). *National Board Certified Teachers* (NBCTs) di Amerika Syarikat yang digubal oleh *The National Board for Profesional Teaching Students* (NBPTS) juga dijadikan instrumen kajian kerana NBCTs menetapkan standard yang selari dengan keperluan profesionalisme guru dengan berpandukan kepada bidang atau opsyen guru berkenaan.

Dalam kajian ini, analisis kandungan dijalankan secara konseptual dengan meneliti secara eksplisit kandungan standard perguruan menerusi teknik 'coding'. Teknik 'coding' melibatkan 'open coding' (gambaran awal) 'axial coding' (pengkategorian) serta 'selective coding' (catatan kategori dan sub kategori). Proses pengkodanan dan pengkategorian yang dilakukan adalah sebagaimana kajian yang telah dilakukan oleh Postholm pada tahun 2012. Dalam kajian ini, kandungan standard keguruan dianalisis dan dikaji untuk mencapai objektif yang hendak dicapai. Data yang diperolehi adalah data sekunder dan berbentuk penghuraian serta pemerihalan (deskriptif) kerana semua data dikumpul menerusi analisis dokumen tanpa proses triangulasi. Hasilnya, satu matriks kandungan standard perguruan dibangunkan seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

## SOROTAN LITERATUR

### *Keperluan profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI)*

Kualiti diri seorang guru khususnya GPI perlu diberikan penekanan utama kerana ia menyumbang dalam proses membentuk sahsiah pelajar secara efektif. Pada tahun 2010, satu kajian tentang kualiti diri GPI telah dijalankan oleh Mohd Kassim Tussin. Terdapat tiga kategori kualiti GPI yang diutarakan dalam kajian berkenaan iaitu pengetahuan, kemahiran serta personaliti. Sumber kualiti pula dibincangkan berkisar sekitar keluarga, kesungguhan ketika berada di peringkat pengajian tinggi serta penglibatan yang aktif dalam aktiviti rasmi dan khidmat kemasyarakatan setelah menjadi guru. Dapatan kajian menunjukkan GPI dikenalpasti telah menerapkan kualiti keguruan di sekolah tanpa mengabaikan hal-ehwal kemasyarakatan serta kekeluargaan dan kajian tersebut merumuskan kualiti diri GPI adalah berhubung dengan tema falsafah, psikologi dan sosiologi. Kajian ini berkait rapat dengan kajian Adanan Haji Basar (2011) yang melihat tahap kualiti GPI dalam mengimplementasikan matlamat Pendidikan Islam dalam pembentukan sahsiah mereka sama ada semasa bersendirian, semasa bertugas di sekolah dan mengajar anak murid atau semasa berada dalam lingkungan sosial kemasyarakatan mereka.

Berteraskan Standard Guru Malaysia (SGM) yang ditambah dengan asas keagamaan guru sebagai satu elemen baru, satu kajian berskala besar juga telah dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah, Khadijah Abd Razak dan Mohd Aderi Che Noh pada tahun 2010. Tujuan kajian adalah mengkaji tahap profesionalisme GPI dengan melibatkan pelajar, GPI, pentadbir serta guru opsyen lain dalam menilai tahap profesionalisme GPI berteraskan SGM. Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan GPI memiliki tahap profesionalisme yang agak tinggi kerana min keseluruhan adalah lebih dari 4.00. Namun begitu, timbul isu yang penting untuk difokuskan khususnya tentang aspek keagamaan kerana ia menghasilkan min terendah berdasarkan persepsi sendiri guru, pentadbir serta rakan opsyen lain. Perkara ini perlu dikaji kerana terdapat perbezaan yang jelas antara persepsi sendiri guru, pelajar, pentadbir serta rakan-rakan mereka. Kajian Rafizah Mohamed Salleh (2011) pula mendapati keperluan GPI adalah sentiasa mengukuhkan iman, menjaga pertuturan dan tingkahlaku supaya selaras dengan tuntutan syariat, menunjukkan sikap terpuji dan kepimpinan terbaik agar menjadi ikutan pelajar serta dihormati oleh masyarakat, memelihara penampilan diri di samping meningkatkan keupayaan serta kemahiran dalam aspek pengajaran.

### *Standard Keguruan Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah'*

'*Riadhah Ruhhiyyah*' adalah manifestasi pengukuhan jiwa yang lahir dari amalan zahir seorang individu Muslim dalam ruang lingkup berbentuk kerohanian. Ia dipaksikan dengan unsur kepatuhan kepada Allah s.w.t bertunjangkan syariat

Islam. '*Riadhah Ruhhiyyah*' terhasil dari kalimah '*Riadhah*' yang bermakna latihan (Abdul Raof Haji Hassan et al., 2011, Mohd. Puzhi Usop et al., 2015) serta '*Ruhiyyah*' (asalnya adalah kalimah 'ruh') yang bermaksud roh (Zakiah Abdul Hamid, 2015). Kata dasar bagi kerohanian (*ruhiyyah*) adalah rohani iaitu roh yang membawa maksud ruang dalaman diri manusia yang memiliki kemahuan serta perasaan (Arbak Othman, 2005) termasuklah keadaan serta perihai rohani tersebut. Keterbatasan aspek kerohanian tersebut tidak bersifat mutlak kerana ia juga meliputi simbol ketaatan yang terpamer secara luaran terhadap Allah s.w.t serta para Rasul (Surah al-Nisa', 4:59) terutamanya dalam pemahaman konsep kehambaan yang mencetuskan perilaku bersesuaian dengan peranan selaku hamba Allah s.w.t dalam memenuhi segenap tanggungjawab yang diperintahkan.

Terma '*Riadhah Ruhhiyyah*' juga ditekankan dalam ajaran agama lain meskipun tidak dinyatakan dengan spesifik sebagai '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Contohnya seperti ajaran agama Kristian yang menggambarkan latihan kerohanian itu sebagai suatu ruang kehidupan bersifat spiritual seperti pernyataan John Cassian, tokoh paderi abad keempat terkemuka dalam alam kerohanian penganut Krisian. Dalam tulisan bertajuk *The Philokalia*, beliau menjelaskan 'matlamat amalan seseorang adalah kekuasaan Tuhan'. Tetapi matlamat berkenaan tidak boleh diperolehi sekiranya tidak disertakan dengan hati yang bersih. Hal ini perlu sentiasa menjadi pegangan dan jika berlaku keadaan hati seseorang tersasar dari jalan sebenarnya, individu tersebut harus memimpin hidupnya kembali menuju matlamat yang asal. Beliau turut menyatakan bahawa hati yang suci merupakan cinta dan cinta itu adalah konsep kehidupan yang abadi bersama Tuhan dalam hidup di dunia ini serta hidup selepasnya. Oleh itu, kehidupan perlu dilalui dengan berpandukan kitab *Bible* di samping berdoa untuk mendekati Tuhan (Bingaman, 2009). Lebih awal sebelum itu, O'Hanlon (1978) dalam tulisan beliau turut mengungkapkan bahawa dalam agama Kristian, matlamat latihan kerohanian adalah menyatukan diri bersama Tuhan dalam usaha mendekati Jesus sepertimana perintah Tuhan.


Apabila membincangkan konsep '*Riadhah Ruhhiyyah*' dalam bidang keguruan, al-Ghazali (450H/1058M) (t.t), tokoh pemikir dalam Islam secara umumnya menekankan bahawa guru harus mengutamakan aspek hubungan dengan Allah s.w.t. serta hubungan sesama insan. Perkara ini turut ditekankan oleh Seyyed Hossein Nasr (2003) dengan menegaskan bahawa agama tidak seharusnya dipandang sebagai satu 'bahagian' dalam hidup tetapi perlu meliputi segenap perkara di bawah kekuasaanNya. Iman itu sendiri sifatnya adalah satu dimensi dalaman yang tidak boleh diukur tetapi manusia wajib melakukan amalan serta perbuatan yang boleh mendekatkan diri kepada Allah s.w.t. seperti ibadat solat, puasa, haji, mengeluarkan zakat serta melakukan jihad demi menjiwai dimensi dalaman seorang insan (Seyyed Hossein Nasr, 1981). Hal ini kerana amalan sedemikian adalah wadah yang memurnikan hidup manusia ke arah kebahagiaan. Oleh itu, segala pemikiran serta perilaku perlu disandarkan kepada Allah s.w.t. (Seyyed Hossein Nasr, 2003) lantaran agama yang bertunjangkan iman dan ihsanlah yang membimbing aspek dalaman individu (Seyyed Hossein Nasr, 1981).

Oleh itu, GPI perlu sentiasa membersihkan hati dan jiwa (Rafizah Mohamed Salleh, 2011) dengan mengutamakan amalan seperti solat, zikir (yang meliputi aktiviti mental) dan berdoa (secara vokal) kerana ia mampu meningkatkan penghayatan kehidupan kerohanian seseorang (Bingaman, 2009). Maksudnya di sini, GPI perlu sentiasa melakukan ibadat-ibadat sunat secara konsisten dan berterusan dengan selayaknya yang perlu diamalkan oleh GPI bagi menjana keperibadian yang luhur (Surah al-Anfal, 8:2-4, Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2013). GPI yang profesional juga perlu ikhlas dengan melaksanakan amanah tanpa mengharap balasan (Al-Ghazali, t.t, Abdullah Ishak, 1995). Matlamat perkhidmatannya semata-mata mendekatkan diri dengan Allah s.w.t dan hal ini terlihat pada dua aspek iaitu menjadi khalifah Allah s.w.t serta beribadat demi mendekatkan diri kepadaNya. Guru yang efektif juga adalah guru yang begitu meminati serta 'mencintai' pekerjaannya. Kefahaman yang jelas bahawa profesion keguruan merupakan ibadah sudah pasti akan meningkatkan kesungguhan guru dalam mendidik pelajar (Surah Hud, 11:29, Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005).

GPI profesional turut perlu meneruskan ajaran Rasulullah s.a.w serta mengamalkan apa yang diajar kepada pelajar dengan menghayati ilmu tersebut (Surah al-Baqarah, 2:44; Al-Ghazali, t.t) dalam aspek dimensi hubungan dengan diri sendiri. Penghayatan ikhlas terhadap ilmu pengetahuan mencerminkan keperibadian mulia GPI kesan dari manifestasi iman yang kukuh kepada Allah s.w.t serta kesungguhan mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w. GPI turut perlu menguasai serta memiliki ilmu yang bersesuaian dengan keperluan semasa selari dengan kedudukan GPI sebagai agamawan serta 'pakar rujuk' dalam masyarakat setempat (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Selain itu, keperluan mengaplikasikan segala sunnah Rasul sepertimana dinyatakan oleh al-Ghazali (t.t) dalam menjaga hubungan sesama manusia juga terlihat menerusi hubungan antara sesama GPI serta bersama rakan sejawat. Dapatan kajian Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom pada tahun 2003 misalnya mendapati para guru merasakan tidak sepatutnya mereka menegur kekurangan mahupun kelemahan rakan sejawat dengan cara kurang beradab serta tidak sopan. Manakala dalam aspek hubungan bersama pelajar, proses pendidikan perlu kepada ikatan yang kukuh antara guru dan pelajar kerana kejayaan mana-mana proses pendidikan adalah banyak bergantung kepada sejauhmana jalinan hubungan yang erat antara dua pihak tersebut (Al-Ghazali, t.t; Abdullah Ishak, 1995). Ikatan serta hubungan ini dikatakan sempurna apabila dorongan oleh GPI

berupaya menjadikan pelajar meletakkan kepercayaan penuh terhadap guru dengan memandang mulia ilmu pengetahuan yang diajar (Abdul Salam Yussof, 2010). Selain itu, GPI profesional juga seharusnya mempamerkan contoh yang baik terhadap pelajar serta persekitarannya (al-Ghazali, t.t; Rafizah Mohamed Salleh, 2011). Hal ini disebabkan pelajar mempelajari serta meniru akhlak melalui interaksi dan amalan harian termasuklah tindakan serta watak dan karekter para guru semasa menyampaikan pengajaran (al-Na'mi, 1994; Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al., 2013).

Kupasan ini menjadi asas untuk membangunkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhyyah' (Rajah 1) untuk dicadangkan dalam standard keguruan Pendidikan Islam di Malaysia. Model ini dibina berdasarkan teori dan pandangan al-Ghazali manakala item yang dimasukkan dalam model dihasilkan dari dapatan kajian yang telah dijalankan sebelum ini (Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin, 2014), (Habibah @ Artini Ramlie et al., 2014), (Habibah @ Artini Ramlie, 2017), (Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin, 2017) dan (Habibah @ Artini Ramlie et al., 2017).



Rajah 1. Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhyyah' (Habibah Artini Ramlie, 2017)

## DAPATAN KAJIAN

Bagi mencadangkan implimentasi standard keguruan Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhyyah', tinjauan turut dilakukan ke atas Standard Guru Profesional dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM) dan beberapa standard perguruan di beberapa negara lain yang dirumuskan seperti berikut.

### Standard Guru Profesional dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM)


Bahagian Pendidikan Guru (BPG) di Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama pihak Institut Pengurusan Guru (IPG) dan Universiti Awam (UA) berperanan dalam usaha melahirkan guru yang berkualiti tinggi dan kekal berkualiti dalam sistem pendidikan negara. Tujuan BPG menggubal konsep pembangunan pendidikan guru menerusi Standard Guru Malaysia (SGM) pada tahun 2009 adalah 'melahirkan guru yang memiliki kualiti demi memastikan pembelajaran dalam kalangan murid juga adalah berkualiti'. Ia menjadi panduan dalam mengenalpasti kualiti serta kompetensi guru menerusi tiga aspek utama iaitu aspek amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. Piawai standard SGM turut digariskan untuk memenuhi keperluan agensi serta institut latihan perguruan serta keperluan para guru itu sendiri dalam membangunkan



profesionalisme sendiri. Ringkasnya, SGM adalah pernyataan yang berkaitan dengan kompetensi profesional yang seharusnya dicapai oleh para guru (Standard) dan pernyataan aspek yang disediakan oleh agensi latihan perguruan (Keperluan). Rajah 2 menunjukkan model SGM berkenaan serta perinciannya pada Rajah 3.




Rajah 2. Model Standard Guru Malaysia.  
Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (2009)



Rajah 3. Perincian komponen Model Standard Guru Malaysia.  
Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (2009)


Bagi merealisasikan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang dirangka oleh KPM, Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) seterusnya dihasilkan pada tahun 2016 untuk membantu guru merancang pembangunan profesionalisme serta karier secara berterusan. Asas penyediaan PIPPK adalah Kerangka Konsep Profesionalisme Keguruan yang menerangkan tentang konsep pembangunan profesionalisme keguruan KPM diawali dengan fasa praperkhidmatan, fasa awal perkhidmatan dan fasa pemantapan kerjaya guru. Model Guru Malaysia (Rajah 4) dalam PIPPK tersebut seterusnya diadaptasi dari Standard Guru Malaysia (SGM) berasaskan elemen Roh serta Jiwa Guru (Nilai dan Etika), Pengetahuan dan Kemahiran serta Jati Diri dan Kenegaraan yang begitu berkait rapat antara satu elemen dengan elemen yang lain (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).



Rajah 4. Model Guru Malaysia  
Sumber: Bahagian Pendidikan Guru (2009)

#### ***Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Scotland***

Di Scotland, badan profesional bebas bagi tujuan menyelia serta meningkatkan standard profesion keguruan adalah *The General Teaching Council for Scotland* (GTC Scotland). GTC Scotland telah membangunkan *The Standard for Chartered Teacher* (SCT) atau Standard Guru-guru Bertauliah yang menetapkan beberapa elemen untuk guru-guru bertauliah yang berhubungkait dengan aspek tingkahlaku profesional. Ia meliputi aspek nilai profesional dan komitmen personel, kebolehan dan kemahiran profesional serta pengetahuan dan kefahaman profesional (*The General Teaching Council for Scotland*, 2009). Komponen-komponan dalam standard keguruan tersebut dipaparkan pada Rajah 5.



Rajah 5. Komponen utama dalam standard keguruan untuk guru-guru bertauliah di Scotland (General Teaching Council for Scotland, 2009)

Aspek utama yang ditekankan dalam standard keguruan tersebut adalah kebolehan serta kemahiran profesional, komitmen dan nilai profesional serta kefahaman dan pengetahuan profesional. Kebolehan dan kemahiran profesional merujuk kepada semangat serta keupayaan untuk memotivasi, boleh berkomunikasi dengan berkesan, mampu menjadi sumber dan sentiasa positif mengaplikasikan pendekatan penyelesaian masalah, imaginatif dan kreatif, terbuka kepada perubahan serta bersifat sistematik serta terurus, berfokus dan bekerja keras. Komitmen serta nilai profesional pula merujuk kepada aspek pendidikan dan nilai sosial, perkembangan serta penilaian sendiri yang kritikal di samping menyampaikan pembelajaran di dalam kelas secara berkesan dengan adanya kolaborasi. Manakala aspek kefahaman serta pengetahuan profesional merujuk kepada aplikasi pendekatan semasa dalam melaksanakan pengajaran dan


pembelajaran termasuklah menggunakan teknologi maklumat bagi menyokong proses pembelajaran, melaksanakan kajian kontemporari berkaitan pengajaran dan pembelajaran, penaksiran pendidikan, merubah sosial serta konteks budaya pendidikan menerusi kaitan kurikulum sekolah kehidupan komuniti di samping mengamalkan prinsip serta amalan keadilan sosial, kesaksamaan dan demokrasi dalam strategi untuk mengelak berlakunya diskriminasi. Ketiga-tiga aspek ini saling berhubung antara satu sama lain iaitu menghasilkan amalan serta tingkahlaku profesional sebagai seorang guru.

Pada 5 Disember 2012, GTC telah menyemak semula SCT untuk meningkatkan kesesuaiannya dengan konteks pendidikan. Matlamatnya adalah agar guru mampu memenuhi keperluan profesional keguruan dan memiliki ilmu pengetahuan untuk menjana impak memberangsangkan dalam aspek pembelajaran. Proses semakan semula SCT meliputi ruang lingkup lebih luas untuk pelbagai objektif yang meliputi aspek penanda aras sebelum menceburi profesion keguruan, aspek kompetensi guru, pembangunan profesional yang bersifat berterusan, rangka kerja refleksi, penilaian individu serta penentuan aspek penganugerahan termasuklah sistem sokongan bagi guru berkenaan (*The General Teaching Council For Scotland, 2018*).

### ***Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Kanada***

Menurut Mohamed Sani Ibrahim (2007), standard profesional keguruan juga disandarkan kepada pernyataan tahap kualiti yang seharusnya dicapai oleh para guru semasa melaksanakan tugas dan diperakui oleh ahli profesional dalam bidang keguruan tersebut termasuklah kalangan masyarakat. Di Kanada, *Ontario College of Teachers* diberikan mandat pada tahun 1996 bagi menetapkan standard profesional serta akreditasi semua program pendidikan guru. Ini membawa kepada penghasilan standard pengajaran yang mempunyai asas kepada program praperkhidmatan serta dalam perkhidmatan pada tahun 1999 oleh badan tersebut. Standard ini diorganisasi berpandukan ilmu profesional, komitmen terhadap pelajar serta pembelajaran pelajar, amalan mengajar, kepimpinan dan komuniti dan pembelajaran profesional berterusan (Mohammed Sani Ibrahim, 2007; *Ontario College of Teachers, 2018*). *Standards of Practice for the Teaching Profession* (Standard Amalan untuk Profesion Perguruan) kemudian diluluskan pada Februari tahun 2000 diikuti lapan bulan kemudian dengan pengenalan *The Ethical Standards for the Teaching Profession* (Standard Etika Profesion Perguruan) yang turut diluluskan pada tahun yang sama. Pada 8 Jun 2006, *Council of the Ontario College of Teachers* seterusnya meluluskan versi barunya iaitu *The Ethical Standards for the Teaching Profession* serta *Standards of Practice for the Teaching Profession* (Broad & Evans, 2006).

Tujuan *The Ethical Standards for the Teaching Profession* diperkenalkan adalah meningkatkan nilai profesion keguruan itu sendiri, mengenalpasti komitmen dalam profesion keguruan, memberi bimbingan kepada guru dalam etika profesion keguruan di samping memupuk keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap profesion keguruan. Manakala *Standards of Practice for the Teaching Profession* merujuk kepada komitmen terhadap pelajar dan pembelajaran pelajar, pengetahuan dan amalan profesional, kepimpinan dalam pembelajaran komuniti dan pembelajaran profesional berterusan (Broad & Evans, 2006; *Ontario College of Teachers, 2018*).




Rajah 6. Standard amalan dan etika standard dalam profesion keguruan di Kanada (Ontario College of Teachers, 2018)

Ringkasnya, standard keguruan ini digunakan di Kanada untuk membimbing para guru mengaplikasikan kriteria yang bersesuaian untuk memenuhi keperluan sebagai seorang guru.



### *Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Amerika Syarikat*

Di Amerika Syarikat, *The National Board for Profesional Teaching Students* (NBPTS) diberikan tanggungjawab untuk membangunkan standard profesionalisme keguruan. NBPTS ditubuhkan selepas *A Nation Prepared: Teachers for the 21st Century* dilancarkan dalam *The Carnegie Forum on Education* dan *The Economy's Task Force on Teaching as a Profession* pada tahun 1987. NBPTS menerbitkan polisi tentang 'What Teachers Should Know and Be Able to Do' selepas dilancarkan (*The National Board for Profesional Teaching Students*, 2018). Standard yang terkandung dalam polisi tersebut memfokuskan lima dimensi teras dalam menghasilkan *National Board Certified Teachers* (NBCTs).



Rajah 7. Lima teras utama standard guru yang dibangunkan oleh NBPTS.  
Sumber: National Board for Profesional Teaching Standards (2018)


Menurut Broad & Evans (2006), lima dimensi asas yang terkandung NBPTS tersebut merujuk aspek tanggungjawab guru dalam aspek komitmen profesional, pedagogi mata pelajaran yang diajar, aspek pengurusan pelajar dalam aspek pembelajaran, kemahiran berfikir dalam membuat refleksi dan keahlian dalam komuniti pembelajaran. Kestimewaan standard keguruan ini adalah mengutarakan standard yang sesuai dengan keperluan guru mengikut opsyen atau bidang guru berkenaan (*National Board for Profesional Teaching Standards*, 2018). Walaupun mempunyai kekuatan sendiri, tetapi menurut Mohammed Sani Ibrahim (2005), standard yang dibangunkan oleh NBPTS tetap menampakkan kelemahan kerana lima kerangka dimensi berkenaan tidak mencadangkan aspek perubahan keperluan pendidikan yang selari dengan perubahan ilmu ekonomi serta globalisasi dalam kalangan masyarakat.

### **PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN**

Kajian menunjukkan semua standard keguruan yang dibincangkan adalah dibangunkan untuk memenuhi keperluan profesionalisme guru dengan menjurus kepada matlamat untuk menambah baik kualiti guru. Guru perlu bersedia untuk berubah kerana aspek profesionalisme melibatkan perubahan amalan dan sikap. Hal ini bertepatan dengan saranan Guskey (2002) dalam Model Perubahan Guru (Rajah 8) yang diutarakan oleh beliau berasaskan idea bahawa pembangunan profesional adalah proses pembelajaran berasaskan pengalaman untuk guru. Menurut beliau, tiga matlamat utama program pembangunan profesional guru adalah perubahan amalan guru di dalam kelas, perubahan dalam hasil pembelajaran pelajar serta perubahan dalam sikap guru. Perubahan dalam amalan guru di dalam kelas seperti perubahan pendekatan pengajaran, penggunaan material atau kurikulum baru atau mungkin hanya pengubahsuaian dalam prosedur pengajaran atau format bilik darjah akan menghasilkan perubahan dalam pencapaian pelajar. Perkara ini secara tidak langsung akan turut mengubah sikap guru kesan dari penambahbaikan yang berlaku ke atas pencapaian pelajar.


Hal ini kerana sikap guru terhadap aspek pengajaran secara umum sebahagian besarnya diperolehi daripada pengalaman bilik darjah. Amalan yang didapati berkesan dalam membantu pelajar memperoleh hasil pembelajaran yang diinginkan biasanya dikekalkan dan diulang manakala amalan yang menghasilkan bukti kejayaan yang tidak ketara akan ditinggalkan. Guru-guru yang tidak berjaya membantu pelajar yang mempunyai latar belakang pelajaran yang kurang bernasib baik untuk mencapai standard yang tinggi pembelajaran, sebagai contoh, mungkin percaya pelajar-pelajar ini tidak mampu lagi mencapai kecemerlangan akademik. Namun jika guru tersebut mencuba strategi pendekatan yang baru dan strategi tersebut berjaya dalam membantu pelajar, kepercayaan mereka akan turut berubah. Ini menunjukkan

bahawa pencapaian atau perubahan yang positif dalam hasil pembelajaran pelajar biasanya mendahului atau menjadi pra syarat dalam perubahan sikap dan amalan pengajaran guru. Model ini juga tidak setakat merangkumi indeks pencapaian dan kognitif pelajar, malah ia juga merangkumi sikap dan tingkahlaku pelajar. Pendek kata, hasil pembelajaran tersebut adalah satu petunjuk yang boleh digunakan untuk menilai keberkesanan pengajaran guru (Guskey, 2002).



Rajah 8. Model Perubahan Guru menurut Guskey (2002)

Penekanan model ini juga selaras dengan pandangan Deojay dan Pennington (2000) serta pandangan Clarke dan Hollingsworth (2002) yang menekankan bahawa pembangunan profesional guru adalah berkait rapat dengan pencapaian pelajar. Clarke dan Hollingsworth menyatakan bahawa guru perlu berubah dalam aspek pengetahuan serta aspek amalan di dalam kelas bagi menghasilkan hasil pembelajaran yang positif di kalangan pelajar (Rajah 8). Deojay dan Pennington (2000) turut menggalakkan guru memfokuskan situasi sebenar dalam amalan pengajaran seperti keperluan pelajar secara individu atau berkumpulan kerana seorang guru perlu mengenalpasti keperluan pembelajaran dan kekuatan pelajar, menentukan tindakan yang bersesuaian, menilai perancangan serta membincangkan hasil tindakan tersebut.



Rajah 9. Model Perubahan Guru menurut Clarke dan Hollingsworth (2002)

Oleh itu, berpandukan standard perguruan yang dibincangkan berasaskan model-model perubahan guru yang diutarakan, satu jadual matriks telah dibina.

Jadual 1

Matriks kandungan standard perguruan

Standard Perguruan	Standard Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyah'	Standard Guru Malaysia	The Ethical Standards for the Teaching Profession	National Board Certified Teachers (NBCTs)	The Standard for Chartered Teacher
Komponen Standard	1. Hubungan dengan Allah s.w.t	Tuhan (X)	-	-	-
	2. Hubungan dengan diri sendiri	X	X	X	X
	3. Hubungan sesama rakan sejawat/komuniti	X	X	X	X
	4. Hubungan dengan anak murid	X	X	X	X

Jadual 1 menunjukkan perbezaan kandungan semua standard yang menjadi instrumen kajian dengan standard perguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang diutarakan dalam kajian ini. Matriks ringkas yang dibangunkan memperlihatkan SGM serta standard perguruan yang diilhamkan di Barat semata-mata memfokuskan aspek hubungan dengan diri sendiri, pelajar, komuniti serta rakan sejawat. Melihat kepada standard perguruan di Barat, ia langsung tidak membincangkan tentang hubungan antara seorang guru dengan Tuhan. Ini menunjukkan standard profesionalisme keguruan yang digubal tersebut tidak akan dapat melengkapkan keperluan profesionalisme keguruan GPI sepenuhnya kerana ia tidak menyentuh aspek *habl min Allah* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t meskipun aspek hubungan dengan diri sendiri dan hubungan sesama manusia telah dinyatakan.

Berbeza dengan SGM, ia telah menekankan elemen roh dan jiwa guru yang memfokuskan nilai dan etika. Namun elemen '*Riadhah Ruhhiyyah*' amat perlu dimasukkan kerana bagi GPI, aspek hubungan dengan Allah s.w.t perlu tertera dengan jelas dalam falsafah profesionalisme GPI. Ia adalah fokus utama dalam konsep '*Riadhah Ruhhiyyah*' berkenaan.

Kesimpulannya, dalam konteks kajian ini, standard keguruan yang diutarakan berkait rapat dengan model-model perubahan guru oleh Guskey (2002) dan Clarke serta Hollingsworth (2002) yang memerlukan seorang guru untuk sentiasa melakukan perubahan dan peningkatan dalam profesionalisme keguruan. Namun implimentasi Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang memfokuskan kalangan GPI dicadangkan sebagai penambahbaikan dalam standard keguruan sedia ada di Malaysia iaitu Standard Guru Malaysia (SGM). Hal ini kerana demi memenuhi hasrat menjadi seorang GPI cemerlang, GPI perlu berubah secara proaktif bukan sahaja dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas demi menghasilkan hasil pembelajaran yang positif, malah turut perlu berubah dalam aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*' selain dari aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme sebagai seorang guru.

## RUMUSAN

Sebagai rumusan, analisis awal yang dilakukan dalam kajian ini bukan bermaksud untuk menidakkan kepentingan SGM mahupun standard keguruan yang digunapakai di Barat. Standard keguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' dicadangkan agar ia mampu mengisi kelompangan pada SGM bagi mengisi ruang dan memenuhi keperluan profesionalisme keguruan GPI dengan spesifik. Keperluan juga dilihat mendesak kerana beberapa standard dan model perguruan yang diilhamkan di Barat yang diketengahkan dalam literatur kajian ini jelas tidak membincangkan tentang hubungan antara guru dengan Tuhannya. Justeru cadangan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang digambarkan dalam Rajah 1 diharap akan dapat mengatasi isu ini. Apa yang perlu ditekankan adalah GPI perlu sentiasa berusaha meningkatkan profesionalisme keguruan dengan mengaplikasikan '*Riadhah Ruhhiyyah*' agar proses pengajaran ke arah mencapai keunggulan dalam kemenjadian pelajar tidak tersasar dari tujuan serta matlamat asal GPI.

## RUJUKAN

*Al-Qur'an Al-Karim*.

- Ab. Halim Tamuri, Mohd Izham Hamzah, Khadijah Abd Razak, & Mohd Aderi Che Noh. (2010). Kajian tahap profesionalisme guru-guru pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, UKM dan Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Komponen asas untuk latihan guru Pendidikan Islam, *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(2), 53-63.
- Abdul Raof Haji Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd. Zain & Wan Norainawati Hamzah. (2011). *Al-lughatul malayuwiyyah al-lughatul arabiah al-lughatul arabiyyah al-lughatul malayuwiyyah* (Edisi Kedua). Shah Alam: Oxford Fajar.
- Abdul Salam Yussof. (2010). *Idea-idea pendidikan berkesan al-Ghazali & Konfusius*. Bangi: Penerbit UKM.
- Abdullah Ishak. (1995). *Pendidikan Islam dan pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adanan Haji Basar. (2011). *Pendidikan Islam di negara Brunei Darussalam: Kajian terhadap matlamat dan implementasi dalam kalangan guru-guru agama*. (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Al-Ghazali, al-Imam Abi Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali. (t.t). *Ihya ulum al-din*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Al-Na'mi, Abdullah al-Amin. (1994). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibn Khaldun dan al-Qabisi*. Mohd. Ramzi Omar. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Alvesson, M. & Kärreman, D. (2007). Constructing mystery: Empirical matters in theory development, *Academy of Management Review*, 32 (4): 1265-1281.
- Arbak Othman. (2005). *Kamus komprehensif bahasa Melayu*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Putrajaya : Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2016). *Dokumen awal pelan induk pembangunan profesionalisme keguruan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bingaman, B. (2009). A common vision: John Cassian and al-Ghazali's correlative conceptions of the spiritual life, *Islam and Christian-Muslim Relations*, 20 (2), 171-182. doi.org/10.1080/09596410902781568
- Broad, K. & Evans, M. (2006). *A review of literature on professional development content and delivery modes for experienced teachers*. Prepared for the Ontario Ministry of Education. Toronto: University of Toronto.
- Clarke, D. & Hollingsworth, H. (2002). Elaborating a model of teacher professional growth, *Teaching and Teacher Education*, 18, 947-967.
- Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2007). *Research methods in education*. Oxon: Routledge.
- Creswell, J.W. (2012). *Educational research planning, conducting and evaluating quantitative and qualitative research*. Fourth Edition. Boston: Pearson.
- Deojay, T. & Pennington, L. (2000). Reaching Heather, *Journal of Staff Development*, 21 (1), 42-46.
- General Teaching Council for Scotland (GTC Scotland). (2009). *The standard for Chartered Teacher (SCT)*. Diakses pada April 22, 2018 dari <http://dera.ioe.ac.uk/973/1/the-standard-for-chartered-teacher.pdf>
- Ghazali Darussalam & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Guskey, T.R. (2002). Professional Development and Teacher Change, *Teachers and Teaching: theory and practice*, 8 (3/4), 381-391.
- Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin. (2014). Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' : Satu analisa keperluan, *The Online Journal of Islamic Education*, 2 : 1, 7-24.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar, Saedah Siraj & Nurul Rabiah Mat Noh. (2014). Aplikasi teknik Fuzzy Delphi terhadap keperluan aspek 'Riadhah Ruhhiyyah' untuk profesionalisme perguruan Pendidikan Islam, *The Online Journal of Islamic Education*, 2: 2, 53- 72.
- Habibah @ Artini Ramlie. (2017). *Pembangunan model profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah'* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin. (2017). Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam (GPI) profesional berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' menurut pandangan Al-Ghazali : Analisis kandungan bab adab terhadap guru dalam kitab Ihya' 'Ulum Al-Din, *Jurnal Al-Hikmah*, 9 (2) : 57-77.
- Habibah @ Artini Ramlie, Zaharah Hussin, Saedah Siraj, Mohd Ridhuan Mohd Jamil, Ahmad Arifin Sapar & Abdul Muqstith Ahmad. (2017). Aplikasi teknik Kumpulan Nominal (Nominal Group Technique - NGT) dalam penyelidikan Pendidikan Islam, *Jurnal Al-Abqari*, 11: 125-138.
- Johnss, G. (2006). The essential impact of context on organizational behavior, *Academy of Management Review*, 31 (2) : 396-408.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Pelan pembangunan profesionalisme berterusan (Guru dan pemimpin sekolah)*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru.
- Mohammed Sani Ibrahim & Norzaini Azman. (2007). Pengenalan kepada profesion perguruan. Dalam Norzaini Azman & Mohammed Sani Ibrahim (pnyt), *Profesion Perguruan* (1-22). Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Kassim Tusin. (2010). *Kualiti diri guru Pendidikan Islam sekolah menengah di Sabah* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd. Puzhi Usop, Mohd. Azrul Azlen Abd Hamid, Marzidah Hashim, Norasmazura Muhammad & Raja Munirah Raja Sulaiman. (2015). *Kamus al-Farid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka.
- Muhammad Faizal A. Ghani & Abd. Khalil Adnan. (2015). Model program perkembangan profesionalisme guru di Malaysia: Satu kajian analisis keperluan di sekolah berprestasi tinggi dan sekolah berprestasi rendah, *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 2 (2), 1-16.
- National Board for Profesional Teaching Standards (NBPTS). (2018). *Five core propositions*. Diakses pada April 16, 2018 dari <https://www.nbpts.org/standards-five-core-propositions/>
- Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri. (2013). Hubungan antara efikasi sendiri (EK) dengan kualiti guru pendidikan Islam sekolah menengah kebangsaan Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5 (1), 41-60.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad, Mohd Isa Hamzah, Ab. Halim Tamuri, Noornajihan Ja'afar, Norzulaili Mohd Ghazali, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Norakyairree Mohd Raus & Syed Najihuddin Syed Hassan. (2013). The Importance of Positive Self-concept for Islamic Education Teachers as a Role Model, *US-China Education Review B*, 3 (1), 29-35.
- O'Brien, J. (2016). Professional learning: Concepts, models and empirical practice, *Professional Development in Education*, 42 (1), 1-4.

- O'Hanlon, Daniel J. (1978). Zen and the spiritual exercises: A Dialogue Between Faiths, *Theological Studies*, 39 (4), 737-768.
- Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing. (2005). Perkembangan profesional guru secara berterusan: perspektif pembangunan sumber manusia, *Masalah Pendidikan*, 131-141.
- Ontario College of Teachers. (2018). *Standards of practice*. Diakses pada Nov 1 2018 dari <https://www.oct.ca/public/professional-standards/standards-of-practice>.
- Postholm, M.B. (2012). Teachers' professional development: A theoretical review, *Educational Research*, 54 (4), 405-429.
- Rafizah binti Mohamed Salleh. (2011). *Model guru contoh Pendidikan Islam* (Laporan Penyelidikan tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Robiah Sidin. (2002). Konsep guru profesional. *Prosiding Seminar Kebangsaan Profesion Perguruan 2002*. Profesion perguruan: Cabaran masa kini (1-11). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Robiah Sidin & Nor Azizah Salleh. (2014). General Education: Curricular and Pedagogical Issues, *MALIM – Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara*, 15: 19-27.
- Seyyed Hossein Nasr. (1981). The interior life in Islam. *Islamic Life and Thought*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- Seyyed Hossein Nasr. (2003). Islam as Religion. *Islam Religion, History and Civilization*. New York: HarperCollins Publishers.
- Toh, W. S. (2005). Penyelidikan tindakan: Perkembangan profesionalisme ke arah pengamalan reflektif dan penambahbaikan sekolah. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan* (1-8). Kuching: MP Batu Lintang.
- West-Burnham, J. & O'Sullivan, F. (2010). *Pembelajaran profesional*. Dalam West-Burnham, J. & O'Sullivan, F. Mengembangkan Profesionalisme di Sekolah (51-74). (Terj. Hamidah Baba). Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia (Buku asal diterbitkan pada tahun 1999).
- Yahya Buntat & Zainuddin Masrom. (2003). Amalan etika profesion perguruan di kalangan guru-guru Sekolah Kebangsaan Kampung Melayu, Kulai Johor. Satu Tinjauan, *Jurnal Teknologi*, 6, 65-74.
- Zaharah Hussin. (2008). *Pembinaan kandungan kurikulum pendidikan akhlak untuk latihan perguruan Pendidikan Islam* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zakiah Abdul Hamid. (2015). *Kamus al-Ma'rifah Arab - Jawi*. Batu Caves : Al- Hidayah Publication.